

SIRI 1  
2026

# BULETIN PSB

Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd



# TRANSFORMASI

*Bermula Disini*





OMI ISLAM PERAK SDN BHD

# TENTANG SYARIKAT

## HUBUNGI KAMI:



[www.psbperak.com](http://www.psbperak.com)



[info@psbperak.com](mailto:info@psbperak.com)



+605 - 241 2641

## Nama Syarikat:

Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd

## No. SSM:

201201023362 (1007854-W)

## Tahun Penubuhan

1983

## Alamat Beroperasi:

Lot Pejabat Tingkat 2, Angsana Mall,  
Jalan Raja Ashman Shah, 30450 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan

# VISI PSB

Menjadi badan korporat yang berdaya saing dalam membangunkan ekonomi Islam khususnya di Perak

## MISI PSB

1. Melaksanakan aktiviti Ekonomi dan Sosial berlandaskan Syariah.
2. Menjadi organisasi yang mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh dan Sumber Manusia yang berkualiti.



## NILAI TERAS

PSB berpegang teguh pada 6 nilai budaya dalam setiap operasi, pentadbiran dan pengurusan syarikat. Nilai-nilai budaya ini mesti diterapkan kepada semua pekerja syarikat. Nilai-nilai budaya ini memainkan peranan dalam membantu pihak pengurusan menanamkan rasa tanggungjawab dan fokus dalam kalangan pekerja untuk mencapai matlamat dan visi yang ditetapkan. Di samping itu, ia berfungsi sebagai standard untuk komunikasi antara pekerja bagi mengurangkan salah faham dan salah komunikasi.



**PROFESIONAL**



**PROAKTIF**



**PERKEMBANGAN  
BERTERUSAN**



**INTEGRITI**



**INOVATIF**



**MELANGKAUI  
JANGKAAN**

# Aspirasi Strategik 2026

Tahun 2026 menandakan satu fasa penting dalam perjalanan Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd (PSB) yang telah membina asas perniagaan melebihi 4-dekad. Berdasarkan perancangan strategik yang komprehensif, tahun ini disasarkan sebagai “A Record-Breaking Year”, iaitu tahun yang dijangka mencatatkan pencapaian tertinggi dalam sejarah operasi dan prestasi kewangan PSB.

Bagi tahun 2026, PSB menyasarkan hasil kumpulan sebanyak RM120.55 juta, iaitu pencapaian tertinggi dalam sejarah syarikat dan peningkatan lebih 33% berbanding unjuran tahun 2025. Selain itu, kumpulan turut menyasarkan Keuntungan Selepas Cukai (PAT) sebanyak RM11.36 juta dengan margin 8%, serta EBITDA sebanyak RM26.03 juta dengan margin 22%. Sasaran ini mencerminkan keyakinan terhadap keupayaan PSB untuk memperkukuh kedudukan kewangan dalam landskap perniagaan yang semakin mencabar.

Sasaran ini disokong oleh prestasi daripada lima sektor perniagaan utama PSB. Sektor perladangan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada hasil kumpulan dengan sasaran hasil sekitar RM72.76 juta, serta keuntungan selepas cukai sekitar RM6.92 juta. Sektor ini terus menjadi teras kepada kestabilan dan kekuatan kewangan kumpulan. Sektor penjagaan kesihatan dijangka menjana hasil sekitar RM14.61 juta dengan keuntungan selepas cukai sekitar RM2.30 juta, didorong oleh pengoperasian pusat dialisis yang memberi impak sosial serta nilai komersial kepada kumpulan. Dalam masa yang sama, sektor hartanah dijangka menyumbang hasil sekitar RM16.06 juta dengan keuntungan selepas cukai sekitar RM0.79 juta, melalui pembangunan aset strategik dan projek pembangunan yang memberi nilai jangka panjang kepada kumpulan. Sektor hospitaliti pula dijangka menjana hasil sekitar RM7 juta dengan sasaran kadar penghunian hotel sebanyak 60%, menghasilkan keuntungan selepas cukai sekitar RM1.08 juta. Manakala lain-lain aktiviti perniagaan dijangka menjana hasil sekitar RM19.00 juta dengan keuntungan selepas cukai sekitar RM2.61 juta, sekali gus menyokong usaha kepelbagaian sumber pendapatan kumpulan.

Bagi memastikan sasaran ini dapat dicapai secara mampan, PSB melaksanakan strategi berteraskan empat tonggak utama pertumbuhan. memperkukuh ketahanan perniagaan teras, memacu pelaburan strategik, memperkasa tadbir urus institusi, dan transformasi serta peningkatan keupayaan organisasi,

Dalam menyokong pelaksanaan strategi ini, kumpulan memperuntukkan RM103.2 juta bagi perbelanjaan operasi (OPEX) dan RM20.73 juta bagi perbelanjaan modal (CAPEX), dengan tumpuan utama kepada pembangunan infrastruktur serta pengembangan sektor perladangan dan projek strategik lain. Keseluruhan pelan ini disokong oleh aliran tunai sebanyak RM151.5 juta, dengan nisbah gearing kumpulan sebanyak 16%, yang menunjukkan kedudukan kewangan kumpulan yang kekal kukuh dan mampan.


Secara keseluruhannya, pelan perniagaan dan bajet 2026 mencerminkan komitmen PSB untuk terus berkembang secara strategik dan mampan. Dengan kekuatan portfolio perniagaan, tadbir urus yang mantap serta pelaksanaan strategi yang berfokus, tahun 2026 dijangka menjadi tahun yang mencatatkan pencapaian paling signifikan dalam sejarah hampir 40 tahun operasi PSB, sekali gus memperkukuh peranan syarikat sebagai pemacu pembangunan ekonomi dan nilai sosial di negeri Perak.

# 4 TONGGAK PERTUMBUHAN PSB

Bagi memastikan sasaran ini dapat dicapai secara mampan, PSB melaksanakan strategi berteraskan empat tonggak utama pertumbuhan.

## Memperkukuh Perniagaan Teras

Tonggak pertama ialah **memperkukuh ketahanan perniagaan teras**, dengan memberi fokus kepada kecemerlangan operasi, keuntungan dan aliran tunai yang stabil.



## Pelaburan Strategik

Tonggak kedua ialah **memacu pelaburan strategik**, termasuk usaha sama baharu, penerokaan peluang dalam tenaga boleh diperbaharui serta pembangunan aset tanah.

## Memperkasa Tadbir Urus

Tonggak ketiga ialah **memperkasa tadbir urus institusi**, dengan menekankan aspek integriti, pematuhan dan ketelusan dalam pengurusan organisasi.



## Transformasi

Tonggak keempat pula ialah **transformasi serta peningkatan keupayaan organisasi**, yang merangkumi inovasi, pendigitalan, pembangunan bakat serta transformasi budaya kerja bagi memastikan organisasi kekal relevan dan berdaya tahan.



# PSB Meterai MoU Bersama BSG BAGI MEMPERKASA INDUSTRI HALAL PERAK




**KUALA LUMPUR, 12 Januari 2026** – Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd (PSB) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Bedford Square Group Holding LTD (BSG) dalam satu majlis rasmi yang berlangsung di Pejabat Menara Legasi, Kuala Lumpur.

Pemeteraian ini menandakan langkah strategik dalam memperkukuh pembangunan industri halal Negeri Perak serta membuka peluang kerjasama perdagangan antarabangsa, khususnya melibatkan pasaran Hainan, China.

Melalui kerjasama ini, kedua-dua pihak akan meneroka potensi eksport produk halal Perak, mengkaji peluang pelaburan strategik serta memperluas jaringan perdagangan dalam sektor halal. Inisiatif ini dijangka memberi ruang kepada pemain industri halal negeri untuk menembusi pasaran luar negara secara lebih kompetitif.

Majlis tersebut disaksikan oleh **Profesor Dato' Dr. Ansary Bin Ahmed**, Pengerusi PSB, serta dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah PSB dan delegasi kedua-dua pihak.

PSB optimis bahawa kolaborasi ini akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri halal yang lebih mampan dan berimpak tinggi, selaras dengan peranan PSB sebagai agensi pemacu pembangunan ekonomi Islam Negeri Perak.





2026 – 2030

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd

+605 241 2641

info@psbperak.com

www.psbperak.com

**IPOH, 28 Januari 2026** – Kumpulan Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn. Bhd. (PSB) telah melakar satu lagi pencapaian penting apabila Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2026–2030 secara rasmi diluluskan oleh Lembaga Pengarah dalam mesyuarat yang berlangsung di Menara Legasi.

Kelulusan ini menzahirkan komitmen tertinggi kepimpinan PSB dalam memperkukuh tadbir urus, integriti dan usaha pencegahan rasuah secara menyeluruh di seluruh kumpulan syarikat. Pelan OACP 2026–2030 Kumpulan PSB dibangunkan selaras dengan keperluan Seksyen 17A Akta SPRM (Pindaan 2018) serta aspirasi Pelan Antirasuah Nasional, dengan pendekatan berasaskan penilaian risiko rasuah (Corruption Risk Assessment – CRA) merentasi semua divisyen dan jabatan utama.

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) PSB 2026–2030

Pelan ini memberi tumpuan kepada lapan bidang keutamaan merangkumi sektor perladangan, hartanah, perkhidmatan kesihatan, hospitaliti serta fungsi sokongan seperti kewangan, perolehan, sumber manusia dan perundangan PSB OACP - Final. Sebanyak 51 inisiatif telah dirangka dengan berteraskan enam (6) tindakan utama termasuk pengukuhan polisi antirasuah, pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS), pemerkasaan pengurusan risiko rasuah serta program latihan dan kesedaran berterusan.

OACP ini turut mengangkat prinsip T.R.U.S.T yang menekankan komitmen pengurusan tertinggi, penilaian risiko berkala, kawalan dalaman efektif, pemantauan sistematik serta latihan dan komunikasi berterusan.

Dengan kelulusan ini, Kumpulan PSB memperkukuh azam untuk menjadi organisasi perladangan, penjagaan kesihatan dan hartanah yang berintegriti serta bebas rasuah, sejajar dengan visi untuk membangunkan ekonomi Islam yang berdaya saing dan berteraskan tadbir urus baik.



**IPOH, 11 Februari 2026** – Kumpulan Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn. Bhd. (PSB) telah menerima kunjungan daripada Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak (LPSA) bagi mengadakan satu Sesi Libat Urus berkaitan pelaksanaan Enakmen Sumber Air Perak 2023 di pejabat PSB. Sesi ini bertujuan memberi penerangan serta pencerahan kepada pihak pengurusan PSB berhubung penguatkuasaan peraturan baharu berkaitan pengurusan dan penggunaan sumber air di negeri Perak.

Sesi tersebut memberi tumpuan kepada pelaksanaan Enakmen Sumber Air Perak 2023 [Enakmen 18], yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak pada 27 September 2023 dan kini berada dalam fasa pertama pelaksanaan bagi tempoh 2024 hingga 2026. Enakmen ini memperuntukkan penubuhan LPSA Perak sebagai badan kawal selia yang bertanggungjawab mengurus sumber air negeri secara bersepadu melalui mekanisme pelesenan, pemantauan serta penguatkuasaan terhadap aktiviti berkaitan sumber air.

***LPSA Perak sebagai badan kawal selia yang bertanggungjawab mengurus sumber air negeri secara bersepadu***

## *Sesi Libat Urus Bersama* **LEMBAGA PENGURUSAN SUMBER AIR PERAK (LPSA)**

Dalam sesi pembentangan tersebut, pihak LPSA turut menerangkan mengenai penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Sumber Air Perak (Pengabstrakan dan Pelencongan Air) 2025 yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026. Peraturan ini menetapkan bahawa mana-mana aktiviti yang melibatkan pengabstrakan air daripada sumber semula jadi atau pelencongan aliran air perlu mendapatkan lesen daripada LPSA serta mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Antara aktiviti yang tertakluk kepada pelesenan termasuk penggunaan air bagi tujuan perladangan, akuakultur, penternakan, pusat rekreasi yang menggunakan air mentah, penjanaan hidroelektrik serta pemasangan panel solar terapung. Sehubungan itu, operasi ladang di bawah kumpulan PSB yang menggunakan sumber air seperti sungai, air tanah, telaga atau takungan air perlu membuat permohonan lesen serta mematuhi peraturan berkaitan yang telah digariskan oleh pihak berkuasa.

Selain itu, pihak LPSA turut membentangkan struktur fi permohonan lesen dan kadar caj air yang dikenakan mengikut kategori penggunaan air. Pemegang lesen juga diwajibkan memasang alat pengukuran penggunaan air (meter) yang diperakui bagi membolehkan pemantauan penggunaan air dilakukan secara sistematik dan telus. Langkah ini merupakan sebahagian daripada pendekatan kerajaan negeri dalam memastikan pengurusan sumber air dilaksanakan secara mampan serta memelihara kepentingan alam sekitar.

Secara keseluruhannya, sesi libat urus ini memberi pemahaman yang lebih jelas kepada pihak PSB mengenai keperluan pematuhan terhadap rangka kerja perundangan baharu berkaitan pengurusan sumber air. Program ini juga membuka ruang kepada perbincangan konstruktif antara PSB dan LPSA bagi memastikan pelaksanaan peraturan tersebut dapat diselaraskan dengan keperluan operasi perniagaan.

Penganjuran sesi ini mencerminkan komitmen PSB untuk memastikan semua aktiviti operasi dilaksanakan selaras dengan kehendak perundangan, prinsip tadbir urus yang baik serta amalan pengurusan sumber semula jadi yang mampan, selari dengan aspirasi negeri Perak dalam memelihara kelestarian sumber air untuk generasi akan datang.

# BENGKEL TRANSFORMASI DIGITAL

## Memacu agenda transformasi digital organisasi bagi meningkatkan kecekapan, kemodenan dan daya saing PSB

**IPOH, 16 Januari 2026** – Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd (PSB) terus melangkah ke hadapan dalam agenda pendigitalan organisasi dengan menganjurkan Bengkel Transformasi Digital & Penyelesaian Perusahaan bersama Nova MSC Berhad pada 16 Januari 2026 di Dewan Ibnu Khaldun, Ibu Pejabat PSB, Ipoh.

Bengkel ini menghimpunkan wakil daripada pelbagai jabatan utama termasuk Kewangan, Perladangan, Modal Insan dan Pentadbiran, Pejabat Transformasi, Strategi dan Pengurusan Perniagaan, serta Unit Teknologi Maklumat dan Digital. Sesi ini memberi pendedahan kepada cadangan penyelesaian digital yang bakal menyokong usaha transformasi PSB ke arah organisasi yang lebih cekap, moden dan berdaya saing.

Sepanjang bengkel berlangsung, para peserta turut berkongsi cabaran operasi dan keperluan penambahbaikan dalam proses kerja sedia ada. Perbincangan yang konstruktif ini membuka ruang kepada penerokaan teknologi seperti automasi, integrasi data dan kecerdasan buatan (AI) bagi meningkatkan kecekapan operasi serta memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan.

Bengkel ini menjadi satu langkah penting dalam perjalanan transformasi PSB, mencerminkan komitmen organisasi untuk memperkasa keupayaan digital, menggalakkan kerjasama antara jabatan serta membina masa depan yang lebih inovatif dan berdaya tahan.



# INTEGRASI TERNAKAN DALAM PENGURUSAN RUMPAI



**BERUAS, 17 Mac 2026** – Ladang Gugusan Beruas telah melaksanakan inisiatif integrasi ternakan sebagai sebahagian daripada pendekatan lestari dalam pengurusan ladang kelapa sawit, khususnya bagi kawalan rumpai secara semula jadi.

Program ini melibatkan pengenalan kaedah ragutan terkawal di blok-blok terpilih, di mana ternakan digunakan untuk mengawal pertumbuhan rumput dan rumpai secara lebih efisien tanpa kebergantungan tinggi terhadap racun herba kimia atau penggunaan mesin penyiangan.

Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kecekapan operasi ladang di samping mengurangkan kos penyelenggaraan serta impak terhadap alam sekitar. Melalui kaedah ragutan terkawal, ternakan membantu mengekang pertumbuhan rumpai di antara barisan pokok sawit sekali gus mewujudkan persekitaran ladang yang lebih terurus dan bersih.

Selain itu, integrasi ternakan turut memberikan nilai tambah melalui penghasilan baja organik semula jadi yang menyumbang kepada peningkatan kesuburan tanah dan kesihatan ekosistem ladang secara keseluruhan.

Pendekatan bersepadu ini mencerminkan komitmen Ladang Gugusan Beruas dalam mengamalkan kaedah perladangan lestari yang bukan sahaja mesra alam, malah mampu meningkatkan produktiviti dan kecekapan kos dalam jangka panjang.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan integrasi ternakan ini dilihat sebagai satu langkah progresif ke arah memperkukuh amalan pertanian mampan selaras dengan aspirasi Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd (PSB) dalam memacu pembangunan sektor perladangan yang berdaya saing dan lestari.





## MEMPERKUKUH NILAI ISLAM DAN PEMBANGUNAN UMMAH


Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd (PSB) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Masjid-masjid telah berjaya menganjurkan Program Semarak Dakwah Insan pada 10 dan 11 Januari 2026 di tiga lokasi berbeza di negeri Perak. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif berterusan PSB dalam memperkukuh kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat serta menyemarakkan budaya ilmu melalui penglibatan aktif institusi masjid sebagai pusat pembangunan ummah.

Penganjuran program ini turut mencerminkan komitmen PSB dalam menyokong usaha dakwah dan pembangunan masyarakat secara holistik, selari dengan aspirasi untuk melahirkan komuniti yang berilmu, berakhlak dan seimbang dari aspek kerohanian serta sosial. Melalui platform seperti ini, masyarakat setempat diberi peluang untuk mendekati pengisian ilmu yang memberi panduan dalam kehidupan seharian di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan jemaah.

Ceramah utama telah disampaikan oleh Ustaz Hj Jafri Bin Abu Bakar @ Mahmud, yang menyentuh mengenai kepentingan penghayatan Islam sebagai asas kehidupan seorang Muslim. Dalam penyampaian, beliau turut menekankan kepentingan pembinaan sahsiah yang kukuh, pengukuhan nilai akhlak serta tanggungjawab sosial dalam memperkukuh kesejahteraan masyarakat dan ekonomi ummah.

Program ini telah dilaksanakan di tiga buah masjid utama iaitu Masjid Sultan Alang Iskandar, Manjung pada 10 Januari 2026, diikuti dengan program di Masjid As-Saadah, Kampung Bahagia, Teluk Intan serta Masjid Imam As-Syafie, Meru Raya pada 11 Januari 2026. Pemilihan beberapa lokasi ini bertujuan memperluaskan jangkauan dakwah kepada masyarakat di kawasan yang berbeza agar lebih ramai komuniti setempat dapat menyertai program pengisian ilmu yang dianjurkan.

Program ini menerima sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran jemaah daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan dewasa, warga emas dan belia. Melalui penganjuran program ini, PSB berharap agar mesej dakwah yang disampaikan dapat diterjemahkan dalam bentuk amalan dalam kehidupan seharian serta menjadi pemangkin kepada pengukuhan nilai-nilai Islam dalam komuniti setempat.



# MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN ZAKAT WAKALAH PSB



Inisiatif ini merupakan komitmen berterusan PSB dalam menyalurkan amanah zakat kepada golongan yang memerlukan, khususnya dalam menyokong kebajikan dan pendidikan para pelajar.

Semoga sumbangan ini dapat meringankan beban serta menyuntik semangat kepada anak-anak untuk terus berjaya.



**IPOH, 13 Februari 2026** - Majlis Penyerahan Sumbangan Bantuan Murid melalui Zakat Wakalah PSB.

Alhamdulillah di hari Jumaat yang penuh keberkatan, pihak PSB telah menghadiri Majlis Penyerahan Sumbangan Bantuan Murid melalui Zakat Wakalah PSB di SMK Rapat Setia.



# Program Ceramah Israk Mikraj 1447H

## Penyerahan Wakalah Zakat PSB kepada Bahagian Agama Penjara

**TAPAH, 15 Januari 2026** – PSB telah dijemput untuk menghadiri program ceramah Israk Mikraj 1447H/2026M peringkat penghuni serta Majlis Simbolik Penyerahan Sumbangan Wakalah Zakat PSB kepada Bahagian Agama Penjara. Ceramah telah dijalankan di STJ Al-Hidayah (Surau Banduan) kepada 100 orang penghuni lelaki.

Wakil Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn. Bhd. (PSB) yang diketuai oleh Encik Azizan bin Jaafar, Ketua Pegawai Kewangan & Strategi Perniagaan, bersama empat orang pegawai. Turut hadir, Timbalan Pengarah Penjara Tapah, PKP Ahmad Redzwan bin Saghil @ Yusuf, selaku wakil pengurusan tertinggi institusi Penjara Tapah. Hadir Bersama, Penolong Penguasa Penjara Muhammad Firdaus bin Ayop, Ketua Unit Pemulihan, serta pegawai-pegawai yang terlibat.

Program dimulakan dengan Ceramah Israk Mikraj yang telah disampaikan oleh Ustaz Mohamad Diniazmi Bin Sabri, Penolong Pengurus Bahagian Syariah, PSB. Ceramah ini menyentuh rohani serta meningkatkan kefahaman penghuni terhadap peristiwa agung Israk dan Mikraj sebagai satu dorongan untuk memperkukuhkan keimanan, memperbaiki akhlak dan menginsafi diri sepanjang menjalani tempoh pemulihan. Program ceramah bagi penghuni wanita turut diadakan secara berasingan bagi memastikan kelancaran dan pematuhan kepada aspek keselamatan serta pengurusan institusi.

Majlis Simbolik Penyerahan Sumbangan Wakalah Zakat berlangsung selepas selesai ceramah. Majlis dimulakan dengan ucapan oleh Timbalan Pengarah Penjara Tapah, diikuti dengan ucapan oleh Encik Azizan bin Jaafar selaku wakil Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn. Bhd. Seterusnya, majlis diserikan dengan simbolik penyerahan buku-buku agama kepada prospek sebagai sokongan kepada pembelajaran agama serta program pemulihan dan pengukuhan rohani di Penjara Tapah. Majlis turut disempurnakan dengan Simbolik Penyerahan 'Mock Cheque' RM 40,000.00 menandakan penyaluran rasmi sumbangan wakalah zakat kepada Bahagian Agama Penjara Tapah.

Seterusnya, delegasi PSB turut dibawa melawat ke Blok Abadi bagi melihat sendiri penambahbaikan fasiliti yang telah dan akan dilaksanakan hasil daripada sumbangan yang diberikan. Lawatan ini memberi gambaran jelas mengenai impak positif sumbangan wakalah zakat terhadap kebajikan serta pemulihan penghuni.

Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektif yang ditetapkan dan memberi manfaat besar kepada penghuni serta pihak institusi. Pihak Penjara Tapah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn. Bhd. atas sumbangan, kerjasama dan komitmen berterusan dalam menyokong usaha pemulihan dan kebajikan penghuni penjara.

# SANTUNI KOMUNITI



## Memperkukuh Hubungan Silaturahim Bersama Komuniti

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan dalam memperkukuh hubungan antara organisasi dan masyarakat setempat, ladang-ladang di bawah Kumpulan Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd (PSB) telah menganjurkan Program Santuni Komuniti yang melibatkan penyertaan kakitangan ladang serta komuniti setempat di beberapa lokasi sekitar negeri Perak.

Program ini dilaksanakan sebagai platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara warga kerja PSB dengan masyarakat setempat, di samping menyemai nilai kebersamaan dan keprihatinan sosial dalam kalangan komuniti sekitar kawasan operasi ladang. Melalui inisiatif ini, PSB berharap dapat mewujudkan hubungan yang lebih erat serta memperkukuh kerjasama antara organisasi dan masyarakat dalam suasana yang harmoni.

Sepanjang program berlangsung, pelbagai aktiviti santai dan sesi ramah mesra telah diadakan melibatkan kakitangan ladang serta komuniti setempat. Program ini turut memberi peluang kepada warga PSB untuk mendekati masyarakat secara lebih dekat, selain menghargai sokongan komuniti terhadap operasi ladang yang dijalankan di kawasan tersebut.

Program Santuni Komuniti ini telah dilaksanakan di beberapa lokasi melibatkan ladang-ladang PSB seperti berikut:

-  25/2//2026 - Masjid Sungkai, Besout 1
-  27/2//2026 - Restoran Ikan Bakar Petai & Sup Belut, Lumut
-  6/3//2026 - Masjid Kampung Kedah, Beruas
-  6/3//2026 - Ladang Hulu Ijok, Ijok
-  7/3//2026 - Restoran Sariman, Paitan
-  10/3//2026 - Surau Kampung Bukit Buluh

Penganjuran program ini turut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat serta warga kerja ladang yang hadir bagi bersama-sama memeriahkan aktiviti yang dianjurkan.

Secara keseluruhannya, Program Santuni Komuniti ini mencerminkan komitmen PSB dalam memainkan peranan bukan sahaja sebagai organisasi perniagaan, malah sebagai entiti yang prihatin terhadap kesejahteraan masyarakat di sekitar kawasan operasinya. Inisiatif ini diharapkan dapat terus memperkukuh hubungan baik antara PSB dan komuniti setempat serta menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih sejahtera dan harmoni.

# SANTUNI KOMUNITI

## Ladang Gugusan Sungkai

**SUNGKAI, 25 Februrari 2026** – Kakitangan Ladang Gugusan Sungkai telah menganjurkan Program Iftar bersama komuniti setempat bertempat di Masjid Jamek Besout 1, Sungkai. Program ini adalah sebahagian daripada usaha memperkukuh hubungan strategik dengan masyarakat sekitar.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd (PSB) dalam memastikan hubungan harmoni antara organisasi dan masyarakat terus terpelihara disamping menghargai komuniti tempatan yang sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama terhadap operasi perladangan di kawasan berkenaan.

Majlis berbuka puasa anjuran pengurusan dan kakitangan Ladang Gugusan Sungkai

tersebut telah disertai oleh lebih 70 orang yang terdiri daripada ahli qariah masjid serta kakitangan Ladang Gugusan Sungkai. Suasana majlis berlangsung dalam keadaan penuh mesra dan ukhuwah, sekali gus mengeratkan silaturahim antara warga ladang dan komuniti setempat.

Hadir menyantuni komuniti ialah En. Azizan Bin Jaafar, Ketua Pegawai Kewangan PSB, yang turut berkesempatan beramah mesra bersama para Jemaah dan telah menyerahkan sumbangan dalam bentuk hamper dan karpet kepada Pengerusi Masjid sebagai tanda komitmen berterusan PSB dalam menyokong aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.

Turut hadir memeriahkan program ialah En. Muhammad Azri Bin Alias, Ketua Bahagian Perladangan, En. Ahmad Danial

Bin Abdul Hamid, Ketua Bahagian Tanah, En. Khairul Anam Bin Hj Jumri, Pengurus Operasi Perladangan.

Kehadiran barisan pengurusan ini memperlihatkan kesungguhan PSB dalam memastikan hubungan baik antara operasi perladangan dan komuniti setempat sentiasa diperkukuh.

Secara keseluruhannya, penganjuran Program Iftar ini bukan sahaja memberi ruang untuk berkongsi rezeki, malah menjadi platform mempererat hubungan strategik antara PSB dan masyarakat. PSB komited untuk terus melaksanakan program-program kemasyarakatan yang memberi impak positif serta menyumbang kepada kesejahteraan komuniti di sekitar kawasan operasinya.



# SANTUNI KOMUNITI

## Ladang Gugusan Kg Gajah & Lekir

**LUMUT, 27 Februari 2026** – Pengurusan dan Kakitangan Ladang Gugusan Kampung Gajah dan Lekir, Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd (PSB) telah menganjurkan Program Santuni Komuniti bersama masyarakat dan keluarga pekerja Ladang Gugusan Kampung Gajah dan Gugusan Lekir di Restoran Ikan Bakar Petai Dan Sup Belut sebagai usaha berterusan dalam memperkukuh hubungan bersama warga kerja.

Keunikan yang dibawa oleh pengurusan Ladang ini untuk menjalankan program bersama keluarga telah membuahkan hasil yang positif dalam membina ukhuwah sesama warga kerja. Inisiatif ini turut mencerminkan komitmen PSB dalam memastikan hubungan harmoni antara organisasi dan warga kerja sentiasa dipelihara.

Hadir menyantuni komuniti ialah Dr Mohamad Nazmi Zaidi Bin Moni, Ketua Bahagian Transformasi PSB, En. Muhammad Azri Bin Alias, Ketua Bahagian Perladangan, En. Ahmad Danial Bin Abdul Hamid, Ketua Bahagian Tanah, En. Khairul Anam Bin Hj Jumri, Pengurus Operasi Perladangan yang turut berkesempatan beramah mesra bersama warga kerja di kedua-dua gugusan. Kehadiran mereka memperlihatkan komitmen berterusan PSB dalam memastikan hubungan baik antara organisasi dan komuniti terus diperkukuh.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini bukan sahaja memberi peluang kepada PSB untuk mendekati warga kerja tempatan secara lebih dekat, malah menjadi platform penting dalam mempereratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat kebersamaan dalam organisasi.



# SANTUNI KOMUNITI

## Ladang Gugusan Hulu Ijok



**HULU IJOK, 6 Mac 2026** – Pengurusan dan kakitangan Ladang Gugusan Hulu Ijok, Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd (PSB) telah menganjurkan Program Santuni Komuniti bersama masyarakat setempat di Ladang Gugusan Hulu Ijok sebagai sebahagian daripada inisiatif usaha berterusan dalam memperkukuh hubungan dengan komuniti sekitar kawasan operasi ladang.

Program ini dianjurkan bagi mendekati masyarakat setempat serta menghargai sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh komuniti terhadap operasi perladangan di kawasan tersebut. Inisiatif ini turut mencerminkan komitmen PSB dalam memastikan hubungan harmoni antara organisasi dan masyarakat terus dipelihara.



Program santuni komuniti ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran tetamu dan masyarakat setempat yang dianggarkan melebihi 120 orang. Suasana program berlangsung dalam keadaan penuh mesra dan harmoni, sekali gus mewujudkan platform interaksi yang lebih erat antara pihak pengurusan ladang dan komuniti setempat.



Hadir memeriahkan program ialah En. Mohd Norsafizal Bin Md Sopian, selaku Ketua Bahagian Kesihatan, yang turut berkesempatan beramah mesra bersama para tetamu dan penduduk setempat sepanjang program berlangsung.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini mendapat maklum balas yang positif daripada penduduk kampung yang menyertai. Disamping itu, program ini juga berhasil menjadi platform mempereratkan hubungan silaturahim antara organisasi dan komuniti.



# SANTUNI KOMUNITI

## Ladang Gugusan Pengkalan Hulu

**GERIK, 10 Mac 2026** – Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd (PSB) melalui Ladang Gugusan Pengkalan Hulu telah menganjurkan Program Santuni Komuniti bertempat di Cottage Inn, Gerik sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) serta usaha memperkukuh hubungan antara kakitangan ladang dan komuniti setempat.

Program ini dianjurkan bagi mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan kakitangan ladang bersama keluarga serta memupuk semangat kebersamaan dan keharmonian dalam komuniti Ladang Gugusan Hulu Ijok. Inisiatif ini turut mencerminkan komitmen PSB dalam memastikan hubungan yang positif dan harmoni sentiasa terjalin dalam kalangan warga kerja dan komuniti sekitar.

Program santuni komuniti ini telah disertai oleh kira-kira 30 orang tetamu yang terdiri daripada kakitangan ladang serta ahli keluarga. Suasana program berlangsung dalam keadaan santai dan mesra, sekali gus memberi peluang kepada para peserta untuk berinteraksi serta mengeratkan hubungan kekeluargaan dalam komuniti ladang.

Secara keseluruhannya, penganjuran Program Santuni Komuniti Ladang Gugusan Hulu Ijok ini berjaya mencapai objektif dalam memupuk semangat kebersamaan dan memperkukuh hubungan antara kakitangan serta keluarga mereka. PSB komited untuk terus melaksanakan program-program yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti di kawasan operasinya.



# Program RAMAH MESRA SEKOLAH

## TARIKH PROGRAM

26 Feb

SMK Anderson,  
Ipoh

5 Mac

SMK Raja Perempuan  
Taayah, Ipoh

10 Mac

SMK Sultan Azlan  
Shah, Bota

12 Mac

SMK Izzuddin  
Shah, Ipoh

16 Mac

SM Raja Dr.  
Nazrin Shah,  
Kampung Gajah

Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd (PSB) telah menganjurkan Program Ramah Mesra Sekolah di beberapa buah sekolah terpilih sekitar negeri Perak sebagai usaha mendekati komuniti pendidikan serta memperkukuh hubungan strategik dengan warga sekolah.

Program ini telah dilaksanakan secara berperingkat melibatkan lima buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Anderson, Ipoh (25 Februari), Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Perempuan Taayah, Ipoh (5 Mac), Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Azlan Shah, Bota (10 Mac), Sekolah Menengah Kebangsaan Izzuddin Shah, Ipoh (12 Mac) serta Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah, Kampung Gajah (16 Mac).

Inisiatif ini bertujuan menyantuni warga sekolah di samping menyokong usaha pembangunan pendidikan dan pembentukan generasi muda yang berilmu, berakhlak serta berdaya saing. Program ini turut mencerminkan komitmen berterusan PSB dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat khususnya dalam sektor pendidikan.

Sepanjang program berlangsung, wakil PSB telah berkesempatan beramah mesra bersama pihak pentadbiran sekolah, guru-guru serta para pelajar dalam suasana yang harmoni dan penuh mesra. Sesi perkongsian turut diadakan bagi memberi motivasi serta galakan kepada pelajar agar terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam akademik dan sahsiah diri.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini bukan sahaja menjadi platform mempereratkan hubungan antara PSB dan komuniti pendidikan, malah memperkukuh peranan organisasi dalam menyumbang kepada pembangunan modal insan dan masyarakat di negeri Perak.





## SUMBANGAN PROGRAM IFTAR BERSAMA ANAK-ANAK YATIM DAN ASNAF

**LEKIR, 5 Mac 2026** – Ladang Gugusan Lekir telah menyalurkan sumbangan bagi menyokong Program Berbuka Puasa anjuran Sekolah Kebangsaan Changkat Lada 2 yang melibatkan anak-anak yatim dan golongan asnaf.

Sumbangan tersebut bertujuan membantu penyediaan juadah berbuka puasa serta menyokong kelancaran penganjuran program. Inisiatif ini juga dilihat sebagai satu usaha murni dalam memupuk semangat kemasyarakatan serta memberi peluang kepada para pelajar, guru dan komuniti setempat untuk berkumpul dan berkongsi keberkatan bulan Ramadan yang penuh mulia.

Program ini turut menjadi platform dalam mengeratkan hubungan silaturahim antara warga sekolah dan masyarakat setempat melalui aktiviti berbuka puasa secara bersama dalam suasana yang harmoni dan penuh keinsafan.

Walaupun wakil pihak ladang tidak dapat menghadiri program tersebut, Ladang Gugusan Lekir tetap komited dalam menyokong inisiatif kebajikan komuniti. Sumbangan yang diberikan mencerminkan keprihatinan berterusan pihak ladang dalam memperkukuh hubungan dengan masyarakat setempat melalui pelaksanaan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang bermakna.

Secara keseluruhannya, usaha ini selaras dengan komitmen Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd (PSB) dalam menyumbang kepada kesejahteraan komuniti serta memperkasakan nilai kebersamaan dalam masyarakat.